

17 JUL 1999

Razaleigh-Nik Aziz

UMNO SEDIA BERI KEMENANGAN TANPA BERTANDING PADA NIK AZIZ

PASIR PUTEH, 17 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata Umno Kelantan bersedia memberi kemenangan tanpa bertanding kepada Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pada pilihan raya umum akan datang jika beliau bersetuju menerima pelawaan dilantik sebagai mufti Kelantan.

Bagaimanapun, Menteri Besar Kelantan itu mesti berjanji untuk keluar dari PAS, katanya.

Beliau berkata Umno juga akan melantik Nik Aziz sebagai anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri (Exco) jika pelawaan ikhlas itu diterimanya apabila Umno diberi mandat memerintah Kelantan.

"Kita mahu beliau memberi nasihat kepada anggota Exco lain dalam pentadbiran terutama mengenai pelaksanaan hal ehwal Islam," katanya ketika berucap merasmikan kursus dan penyampaian watak jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Pasir Puteh di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh berkata beliau tidak akan mungkir janji mengenai tawaran itu kerana Nik Aziz dapat memberi sumbangan kepada rakyat Kelantan menerusi ketokohnya dalam bidang agama.

Beliau berkata pelawaan Umno Kelantan itu bertujuan mencari perpaduan di kalangan umat Islam di negeri ini, yang kini berpecah belah terutama di kampung-kampung.

"Kalau Nik Aziz bersetuju dengan cadangan itu, kita akan buat perjanjian mulai sekarang," kata Tengku Razaleigh, yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang.

Umno hanya memerlukan kira-kira lima peratus lagi undi berdasarkan 46 peratus undi yang diperolehi dalam pilihan raya 1995, katanya yang menjangkakan perkara itu tidak sukar dicapai memandangkan sambutan terhadap ceramah Umno semakin mendapat sokongan ramai di kalangan rakyat.

Tengku Razaleigh berharap anggota Umno dapat bekerja keras mulai sekarang, sekurang-kurangnya tiga hingga empat hari seminggu, untuk menarik minat lebih ramai lagi rakyat menyokong Umno bagi mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum kelak.

Untuk mencapai hasrat itu, katanya semua pihak termasuk golongan muda dan tua perlu berganding bahu bekerja keras walaupun tanpa jawatan bagi membantu jentera pilihan raya BN berjalan lancar.

Beliau juga meminta setiap anggota Umno dapat menaikan bendera BN di setiap rumah masing-masing sempena lawatan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan pada 22 Julai.

Katanya kira-kira 200,000 bendera akan diagihkan kepada setiap bahagian dan cawangan Umno serta parti komponen BN di Kelantan.

--BERNAMA

WM BD NAK